

SULIT



Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

HIT522 - Tokoh-Tokoh Periwiyat Hadith

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT (4) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jawab **SATU (1)** soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C. Jika calon menjawab lebih daripada **TIGA (3)** soalan hanya **TIGA (3)** soalan pertama sahaja mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

SULIT

Bahagian A

1. Jawab [a] dan [b].

[a] Bincangkan LIMA aspek tentang perawi hadith yang perlu diperincikan untuk memastikan sesuatu periwayatannya diterima.

[50 markah]

[b] Huraikan manhaj penulisan karya-karya *rijal al-hadith* seperti berikut:

[i] *Kitab al-Thiqat* oleh Ibn Hibban.

[25 markah]

[ii] *Kitab al-Jarh wa al-Ta'dil* oleh Ibn Abi Hatim.

[25 markah]

2. *Al-Khulafa' al-Rashidun* adalah empat tokoh periwayat hadith yang mempunyai kedudukan yang tersendiri. Berdasarkan kenyataan ini, bincangkan:

[a] Kaedah yang mereka amalkan untuk memelihara hadith secara hafalan dan tulisan.

[50 markah]

[b] Periwiyatan Sahabat Nabi SAW daripada mereka dalam bentuk *riwayah al-aqran*.

[50 markah]

Bahagian B

3. Syu'bah bin al-Hajjaj (m. 160 H) adalah seorang tokoh rujukan dalam menilai perawi hadith. Berdasarkan kenyataan tersebut:

[a] Huraikan pandangan Syu'bah berkenaan *tadlis*.

[20 markah]

[b] Huraikan pandangan yang mengatakan bahawa Syu'bah *mutashaddid* dalam menilai perawi.

[40 markah]

[b] Bandingkan antara Syu'bah dan Sufyan al-Thawri dalam aspek penguasaan ilmu hadith.

[40 markah]

4. Sufyan bin 'Uyaynah (m. 198 H) adalah seorang perawi *thiqah*. Berdasarkan kenyataan tersebut, huraikan:

[a] Kaedah untuk membezakan antara Sufyan bin 'Uyaynah dan Sufyan al-Thawri dalam *sanad* hadith.

[40 markah]

[b] Pandangan yang mengatakan bahawa Sufyan bin 'Uyaynah telah mengalami *ikhtilat* di akhir hayatnya.

[40 markah]

[c] Faktor yang menyebabkan pengkritik hadith menetapkan Sufyan bin 'Uyaynah sebagai *mudallis* namun masih menerima *tadlis* beliau.

[20 markah]

Bahagian C

5. Jawab [a] dan [b].

[a] Ibn Hibban menyifatkan 'Amrah binti 'Abd al-Rahman sebagai orang yang paling arif mengenai hadith 'A'isyah RA. Manakala al-Zuhri menyatakan riwayat 'Amrah hanya menguat dan membenarkan lagi hadith yang diriwayatkan oleh 'Urwah. Berdasarkan kenyataan tersebut, bandingkan ketokohan 'Amrah dan 'Urwah dalam konteks periwayatan hadith daripada 'A'ishah RA.

[50 markah]

[b] 'Abd al-Rahman bin Mahdi menyatakan bahawa Sufyan al-Thawri merupakan imam dalam hadith dan bukannya imam dalam Sunnah, al-Awza'i merupakan imam dalam Sunnah dan bukannya imam dalam hadith dan Malik merupakan imam dalam kedua-duanya. Berdasarkan kenyataan tersebut bandingkan ketokohan Sufyan al-Thawri dan al-Awza'i dalam periwayatan hadith.

[50 markah]

6. Bincangkan kesan *al-rihlah fi talab al-hadith* dalam pembinaan ketokohan sarjana hadith berikut:

[a] Al-Bukhari [25 markah]

[b] Al-Tirmidhi [25 markah]

[c] Abu Dawud [25 markah]

[d] Ibn Majah [25 markah]